

SOALAN NO.: 18

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 27 JULAI 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor yang membina jalan raya di LPT2 terutamanya dari Jabor ke Gemuroh dengan tidak rata dan beralun sehingga membahayakan para pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, tiada sebarang tindakan dikenakan kepada kontraktor yang membina LPT2 memandangkan Kontraktor-Kontraktor tersebut telah membaiki semua permukaan yang beralun mengikut syarat-syarat kontrak dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 1 tahun selepas jajaran disiapkan.

Mengenai isu dakwaan jalan beralun pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya permukaan lebuhraya LPT2 berada dalam keadaan yang baik. Namun demikian kementerian ini mengambil perhatian tentang beberapa lokasi di LPT2 yang mempunyai permukaan jalan yang beralun. Sehubungan itu, kementerian telah menjalankan Ujian Profiling IRI (International Roughness Index) bagi menilai tahap keselesaan pemanduan yang berhubung kait dengan permukaan jalan.

Berdasarkan keputusan Ujian IRI ataupun Indeks Kerataan Jalan awalan yang telah dijalankan, didapati cuma 0.6% daripada keseluruhan ujian awalan Jalan LPT2 mempunyai IRI melebihi 3.8 m/km. Keputusan IRI ini juga menepati KPI Lembaga Lebuhraya Malaysia - 'Pavement Durability Performance Measure 2015' (PDPM) dan berada pada tahap nilai yang dibenarkan iaitu kurang daripada 5%. Jumlah 0.6% ini adalah jauh lebih kecil daripada jangkakan 20% keseluruhan panjang LPT2 yang dianggarkan mempunyai permukaan beralun sebelum ujian IRI sebenar dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah mengesahkan bahawa permukaan jalan LPT2 dibina mengikut standard piawaian antarabangsa berdasarkan ujian berasingan yang dijalankan. Daripada ujian IRI yang telah dijalankan itu, kementerian ini telah mengenal pasti beberapa lokasi jalan beralun yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna. Justeru itu, beberapa langkah serta intervensi yang bersesuaian akan diteruskan dan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi mengurangkan risiko kemalangan di LPT2.

Pada masa ini, syarikat LPT2 Sdn. Bhd. adalah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk pengurusan lebuhraya ini selama 18 tahun dan akan sentiasa memastikan lebuhraya ini diselenggara dengan baik melalui penyelenggaraan rutin mahupun berkala untuk keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya.

Selain itu, baru-baru ini Kementerian Pengangkutan memaklumkan bahawa LPT2 merupakan salah satu daripada empat lebuhraya antara bandar yang diberi penarafan penarafan tiga bintang menerusi Laporan Pusat Kecemerlangan Program Penilaian Jalan Raya (iRAP) 2017 kerana menepati piawaian dan aspek keselamatan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 19

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan pihak Kementerian bagi pembinaan rumah Bina Rakyat (RBN) di seluruh negara bagi tahun ini dan berapakah jangkaan rumah yang akan dibina menerusi peruntukan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui FELCRA dan RISDA adalah merupakan inisiatif Kerajaan bertujuan untuk menyediakan rumah selesa kepada golongan belia luar bandar.

Bagi 2017, FELCRA telah diperuntukkan sebanyak RM28 juta bagi membina sebanyak 400 unit Rumah BN. Manakala, RISDA telah diperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi membina 300 unit Rumah BN menjadikan keseluruhan peruntukan program Rumah BN yang diterima oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM34 juta.

KKLW menjangkakan sebanyak 700 unit Rumah BN dapat dibina bergantung kepada peruntukan yang telah disalurkan dan jumlah permohonan serta kelulusan yang diberikan oleh pihak pembiaya kepada para pemohon program Rumah BN.